



CBRE

PIAWAIAN
KELAKUAN
PERNIAGAAN

Nilai Kita Tak Lapuk Dek Zaman

Daripada Ahli Lembaga Pengarah

Kita semua
memainkan
peranan
penting dalam
mengekalakan
budaya beretika
di CBRE dan
Piawaian
Tatakelakuan
Perniagaan
menjadi panduan
kita.



Baris atas (kiri ke kanan): Brandon Boze, Beth Cobert, Reginald Gilyard, Shira Goodman, Blake Hutcheson, Christopher Jenny.
Baris bawah (kiri ke kanan): Gerardo Lopez, Susan Meaney, Guy Metcalfe, Oscar Munoz, Bob Sulentic, Sanjiv Yajnik.

Ahli Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menetapkan matlamat yang jelas dan piawaian yang tinggi bagi tingkah laku beretika di seluruh CBRE. Tingkah laku beretika membina kepercayaan, meningkatkan reputasi syarikat dan membantu kita menarik minat pelanggan dan bakat terbaik serta membina kerjaya yang menguntungkan untuk warga kerja kita.

Piawaian Tatakelakuan Perniagaan¹ merupakan asas bagi Program Etika & Pematuhan syarikat kita. Kita bergantung pada nilai RISE—Hormat (Respect), Integriti (Integrity), Perkhidmatan (Service) dan Kecemerlangan (Excellence)—dan memastikan pematuhan kepada dasar syarikat dan undang-undang serta peraturan yang terpakai kepada kita secara global.

Semua yang berkaitan dengan CBRE, termasuk Ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan Eksekutif perlu membaca dan memahami Piawaian Tatakelakuan Perniagaan dan mencerminkan nilai dan dasarnya dalam tugas kita. Jika kita semua melakukan hal ini setiap hari tanpa gagal, kita akan terus membezakan CBRE sebagai syarikat yang memberikan hasil terbaik kepada pelanggan, pekerja, pihak berkepentingan dan komuniti kita.

Kejayaan CBRE bergantung pada penghayatan kita terhadap nilai yang dinyatakan dalam Piawaian Tatakelakuan Perniagaan.

Kami sangat menghargai sokongan anda.

¹ Diguna pakai pada 2004; dikemas kini pada 2011, 2019 dan 2021.

Pesanan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO)

Hormat (Respect),
Integriti (Integrity),
Perkhidmatan
(Service) dan
Kecemerlangan
(Excellence):
Komitmen Kita
kepada *Bagaimana*
Kita Bekerja



Panjang: 1:24 minit. Terjemahan kapsyen tertutup tersedia dengan mengklik butang CC di bahagian bawah sudut kanan selepas melancarkan video.

CBRE berazam untuk menjadi syarikat bertaraf dunia dalam segala yang kita lakukan. Berkat usaha warga kerja kita dan fokus tanpa jemu mereka untuk memberikan hasil terbaik kepada pelanggan, kita bakal mencapai matlamat ini.

Kerja keras adalah kunci kejayaan kita. Sama juga pentingnya dengan *bagaimana* kita bekerja. Di CBRE, kita menjalankan perniagaan dengan cara yang betul—dengan komitmen untuk mencapai standard etika tertinggi. Itulah jangkaan pelanggan kita—dan itulah jangkaan kepada diri kita dan rakan kongsi perniagaan kita.

Piawaian Tatakelakuan Perniagaan CBRE merupakan tulang belakang bagi komitmen kita. Ia memandu kita dalam membuat keputusan dan mengambil tindakan. Ia mempengaruhi semua aspek dalam budaya kita dan mengamalkan nilai teras Hormat (Respect), Integriti (Integrity), Perkhidmatan (Service) dan Kecemerlangan (Excellence).

Tatakelakuan beretika yang disokong oleh nilai RISE kita adalah penting bagi merealisasikan aspirasi kita yang bertaraf dunia. Sesiapa yang mempunyai soalan mengenai tindakan yang betul atau bimbang dengan potensi salah laku di tempat kerja kita, boleh dan hendaklah menyuarakannya menerusi mana-mana pilihan laporan yang tersedia.

Kami sangat menghargai komitmen warga kerja kita kepada CBRE dan nilai RISE kita.

Yang benar,

Bob Sulentic
Presiden & CEO

Pengenalan

Nilai Kita Tak Lapuk Dek Zaman

Piawaian Tatakelakuan Perniagaan kita adalah bahagian penting bagi Program Etika & Pematuhan kita. Dokumen ini melambangkan budaya dan nilai kita serta menerangkan prinsip yang penting yang memandu pematuhan etika dan perundangan anda semasa berkhidmat di CBRE.²

Kata-kata yang Kita Pegang

Piawaian Tatakelakuan Perniagaan kita adalah berdasarkan nilai RISE kita. Nilai-nilai ini adalah asas kepada penubuhan syarikat kita dan ia meringkaskan bagaimana anda menjalankan aktiviti perniagaan harian anda.

Nilai RISE

Hormat (Respect)

Kita bertindak dengan mempertimbangkan idea orang lain dan berkongsi maklumat secara terbuka untuk mengaspirasikan kepercayaan dan menggalakkan kerjasama.

Integriti (Integrity)

Tiada individu, tiada perjanjian, tiada pelanggan, lebih besar daripada komitmen kita kepada syarikat kita dan apa yang kita perjuangkan.

Perkhidmatan (Service)

Kita menyahut cabaran pelanggan dengan semangat dan ketekunan, membina hubungan jangka panjang dengan menghubungkan orang, modal dan peluang yang betul.

Kecemerlangan (Excellence)

Kita memberi tumpuan tanpa henti untuk mewujudkan hasil terbaik untuk pelanggan, pekerja dan pihak berkepentingan.

² Kewajipan anda turut diterangkan dalam dasar kita, yang boleh anda dapati dalam myPolicy dalam Intranet Pekerja CBRE. Jika ada ketidakkonsistenan atau konflik antara dasar dan Piawaian Tatakelakuan Perniagaan kita, Piawaian Tatakelakuan akan diguna pakai.

Tanggungjawab Anda

Piawaian Tatakelakuan Perniagaan kita terpakai kepada semua kakitangan CBRE, ahli lembaga pengarah dan sesiapa yang bertindak bagi pihak syarikat, di mana sahaja di seluruh dunia. Anda bertanggungjawab untuk memahami standard ini dan mengamalkannya. Ia memandu tindakan dan interaksi anda dengan semua yang bekerja bersama anda—pelanggan, pesaing, pelabur, rakan kongsi perniagaan, vendor, kerajaan dan rakan sekerja.

Di sesetengah negara di mana kita beroperasi, mungkin ada undang-undang atau peraturan setempat yang lebih khusus dan terbatas berbanding Piawaian Tatakelakuan Perniagaan. Jika timbul konflik antara undang-undang atau peraturan setempat dengan Piawaian Tatakelakuan Perniagaan, dasar, prosedur, undang-undang atau peraturan setempat akan diguna pakai.

Piawaian Tatakelakuan Perniagaan tidak boleh menangani setiap situasi yang mungkin berlaku, jadi kami menggesa anda untuk menggunakan pertimbangan yang baik, bertanya soalan dan bersuara jika anda ragu-ragu untuk bertindak.

Peranan Khas Pengurus

Jika anda menyelia orang, anda bertanggungjawab untuk:

- Bertindak sebagai model teladan bagi nilai RISE kita
- Memastikan pasukan anda menyemak, memahami dan mematuhi Piawaian Tatakelakuan Perniagaan, dasar dan undang-undang syarikat

Jika anda terlibat dengan pihak ketiga bagi pihak CBRE, anda bertanggungjawab untuk:

- Memastikan tindakan mereka mengikut Piawaian Tatakelakuan Perniagaan kita³
- Memberikan latihan yang diperlukan
- Memantau kerja bagi memastikan tindakan mereka mengikut piawaian, dasar kita dan undang-undang

Untuk Maklumat Lanjut



Anda akan melihat ikon ini di seluruh Piawaian Tatakelakuan Perniagaan. Ia untuk mengingatkan anda bahawa jika anda boleh bersambung dengan Intranet Pekerja CBRE, anda boleh mencari dasar dan maklumat penting lain berkenaan piawaian bertulis dengan menaip frasa kata kunci dalam kotak carian pada laman intranet anda.



Cari ikon ini untuk mencari contoh situasi dunia nyata yang mungkin memberi kesan kepada aktiviti harian anda dan jawab soalan biasa berkenaan dasar dan piawaian kita. Kami berharap bahagian ringkas S&J ini akan membantu anda memahami cara untuk bertindak dalam situasi tertentu dan membuat keputusan yang tepat.



Perkataan *dicondongkan* untuk menunjukkan ia ada dalam glosari. Anda boleh merujuk glosari jika perkataan-perkataan ini tidak jelas.

³ Vendor juga perlu bersetuju untuk mematuhi Tatakelakuan Pembekal kita.


Janji Tulus Anda

Anda perlu memperbaharui komitmen kepada nilai RISE kita pada setiap tahun dengan memperakui bahawa anda telah mengakses Piawaian Tatakelakuan Perniagaan, telah membaca dan memahaminya dan anda akan mematuhi selama anda berkhidmat dengan CBRE. Jika anda gagal untuk mematuhi komitmen ini, anda meletakkan diri sendiri, rakan sekerja dan CBRE dalam risiko. Anda akan dikenakan tindakan disiplin sehingga dan termasuk penamatan dan berkemungkinan tindakan undang-undang.

Pematuhan kepada standard tertinggi profesionalisme adalah asas dalam setiap yang kita lakukan. Dan memenuhi kewajipan anda memerlukan komitmen yang ada sedari. Perakuan adalah mandatori dan perlu dilengkapkan dalam tempoh 30 hari.

Ini Sebabnya Anda Perlu Memperakui Setiap Tahun

- Ia mewakili sumpah anda untuk bertindak secara beretika, mematuhi peraturan dan menghayati nilai RISE kita.
- Ia memandu tindakan anda di tempat kerja dan bagaimana anda berinteraksi dengan rakan sekerja, klien dan rakan kongsi perniagaan lain.
- Ini memberi jaminan kepada pihak luar yang terlibat dengan atau mempunyai kepentingan dalam syarikat kita bahawa semua orang dalam syarikat menyepak semula, memahami dan bersetuju untuk mengikuti dasar dan standard CBRE pada setiap tahun.
- Ia menunjukkan komitmen anda untuk melindungi jenama CBRE dan mengekalkan reputasi kita sebagai sebuah syarikat yang beretika.
- Ia adalah perkara yang betul untuk dilakukan. Kita perlu saling bertanggungjawab terhadap dasar, piawaian dan undang-undang kita dan melaporkan masalah dan salah laku.



Tampil Bersuara Adalah Penting!

Kita membina reputasi sebagai penasihat yang dipercayai kepada klien dengan mematuhi amalan perniagaan beretika. Tetapi reputasi itu boleh berkurangan atau musnah dengan tindakan salah yang dilakukan hanya oleh seorang pekerja. Inilah sebabnya, sebagai tambahan kepada pengetahuan tentang keperluan perundangan dan etika yang terpakai kepada peranan anda, **anda juga bertanggungjawab untuk mengetengahkan masalah.**

Tidak kira sama ada anda pekerja, pengurus atau penyelia, anda tidak perlu menyelesaikan masalah etika dan pematuhan yang serius seorang diri dan anda juga tidak dijangka untuk mengetahui semua jawapan. Minta bantuan—daripada pengurus atau penyelia anda, ahli Kepimpinan Kanan atau Warga Kerja, Etika & Pematuhan atau Perundangan, [Ketua Pegawai Pematuhan](#) atau [Talian Bantuan Etika CBRE](#). Dengan melaporkan kebimbangan, anda membantu CBRE mengekalkan reputasi dan menangani masalah yang berpotensi sebelum ia memberi kesan negatif kepada syarikat, rakan sekerja dan klien kita.

Tampil Bersuara jika Anda

- Anda bimbang seseorang sedang (atau bakal melakukan) sesuatu yang melanggar dasar atau undang-undang kita atau bertindak secara tidak beretika
- Yakin bahawa anda mungkin terlibat dalam salah laku
- Tidak yakin tentang tindakan yang sesuai untuk diambil dan memerlukan nasihat

Tugas Khas Pengurus

- Menetapkan contoh dengan tingkah laku diri anda sendiri
- Mendengar kebimbangan apabila ia diajukan
- Mengekalkan kerahsiaan
- Membuat ahli pasukan bertanggungjawab terhadap tindakan mereka
- Bertindak pantas apabila anda sedar tentang potensi pelanggaran
- Menyalurkan kebimbangan melalui saluran yang sesuai

Apabila berdepan dengan dilema etika, tanya diri anda sendiri:

- Adakah ia selari dengan nilai RISE kita?
- Adakah ia mematuhi undang-undang?
- Adakah ia selari dengan dasar CBRE?
- Adakah anda pasti tiada risiko yang terlibat?
- Anda mempunyai maklumat yang mencukupi untuk membuat keputusan yang betul?
- Adakah ia kelihatan sesuai jika dipaparkan dalam berita?



YA



Sila teruskan jika anda mempunyai soalan, bercakap dengan pengurus atau penyelia anda.



TIDAK



Berhenti dan tampil bersuara:

- Tampil bersuara kepada penyelia atau pengurus.
- Hubungi ahli Kepimpinan Kanan atau Warga Kerja, Etika & Pematuhan atau Perundangan.
- Hantar e-mel kepada [Ketua Pegawai Pematuhan](#)
- Failkan laporan dalam talian atau melalui telefon (secara tanpa nama jika dibenarkan oleh undang-undang setempat) menggunakan [Talian Bantuan Etika CBRE](#).

Kami Akan Bertindak

Sebarang pelanggaran dasar atau undang-undang yang disyaki akan disemak segera, secara mendalam dan dengan adil. Setiap perkara yang berubah sehingga ke tahap salah laku serius akan diserahkan kepada penyiasat Etika & Pematuhan.

Anda tidak boleh menyalahkan sendiri tuduhan salah laku, walaupun anda seorang pengurus atau penyelia. Sebaliknya, laporkan tuduhan. Anda mempunyai tanggungjawab untuk bekerjasama sepenuhnya dalam semua siasatan etika dan pematuhan dan memberikan jawapan yang benar dan lengkap untuk soalan. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan tindakan disiplin sehingga dan termasuk penamatan. Keputusan akhir mengenai tindakan yang sesuai dibuat oleh anggota pengurusan yang sesuai.

Jika anda melaporkan kebimbangan, yakinlah bahawa kami mengambil serius hal tersebut. Yakinlah bahawa laporan anda akan disiasat secara menyeluruh dan akhirnya, tindakan sewajarnya diambil.

Tiada Toleransi terhadap Serangan Balas

Jika anda mendapatkan nasihat, melaporkan kebimbangan atau salah laku, anda melakukan perkara yang betul dan anda akan dilindungi. CBRE tidak akan bertoleransi dengan serangan balas. Mengugut, mengancam atau menyerang balas pekerja lain yang menyuarakan kebimbangan atas dasar niat yang baik, melaporkan pelanggaran atau mengambil bahagian dalam penyiasatan adalah dilarang. Mana-mana pekerja yang menyerang balas akan berdepan tindakan disiplin sehingga dan termasuk penamatan.

Apakah Salah Laku Serius?

- Sebarang aktiviti yang menyebabkan masalah perundangan, kewangan atau reputasi yang signifikan kepada syarikat
- Diskriminasi, gangguan atau tingkah laku lain yang serius kepada rakan sekerja, klien atau sesiapa yang datang ke tempat kerja
- Aktiviti haram atau pelanggaran serius dasar atau dasar CBRE
- Laporan kewangan palsu yang dilindungi oleh Akta Sarbanes Oxley tahun 2002 di A.S. dan undang-undang dan peraturan yang setanding di negara lain

Proses Penyiasatan

LANGKAH 1	Salah laku dilaporkan
LANGKAH 2	Aduan disemak semula
LANGKAH 3	Penyiasat ditugaskan dan melaporkan salah laku yang disiasat
LANGKAH 4	Penyiasat membuat cadangan untuk tindakan yang sesuai kepada pengurusan kanan
LANGKAH 5	Tindakan yang sesuai ditentukan

Cara untuk Melaporkan Kebimbangan

CBRE menyediakan pelbagai cara untuk mengemukakan soalan atau menyuarakan kebimbangan mengenai salah laku atau aktiviti tidak beretika atau haram yang disyaki. Tidak kira kaedah laporan yang anda pilih, kebimbangan anda akan ditangani secara rahsia dan menyeluruh.



Tampil bersuara kepada penyelia atau pengurus.



Hubungi ahli Kepimpinan Kanan atau Warga Kerja, Etika & Pematuhan atau Perundangan.



Menghantar e-mel kepada [Ketua Pegawai Pematuhan](#).



Faalkan laporan dalam talian atau melalui telefon (secara tanpa nama jika dibenarkan oleh undang-undang setempat) menggunakan [Talian Bantuan Etika CBRE](#). Talian Bantuan Etika CBRE dikendalikan oleh syarikat bebas dan tersedia 24/7 di setiap negara di mana CBRE menjalankan perniagaan.



Anda boleh mengakses dasar CBRE dan maklumat penting lain yang dirujuk dalam bahagian ini pada Intranet Pekerja CBRE.



CARIAN KATA KUNCI:

**Piawaian Tatakelakuan
Perniagaan**

Hormat (Respect)

Kita bertindak
dengan
mempertimbangkan
idea orang lain dan
berkongsi maklumat
secara terbuka untuk
mengaspirasikan
kepercayaan dan
menggalakkan
kerjasama.

Hormat (Respect) adalah yang pertama dalam nilai RISE dan atas sebab yang baik. Hormat membina kepercayaan, meningkatkan komunikasi dan menggalakkan kerja berpasukan. Sama ada rakan sekerja, pelanggan atau rakan niaga anda duduk di sebelah anda atau jauh di seberang laut, cara anda melayan mereka adalah asas bagi budaya dan rasa Hormat dalam nilai RISE.

Melayan Setiap Orang dengan Hormat

CBRE menarik ramai orang yang paling berbakat daripada segenap lapisan masyarakat. Kita menyediakan persekitaran kerja di mana anda boleh bersaing dan berjaya berdasarkan kemahiran dan kemampuan anda serta diiktiraf dan diberi ganjaran sewajarnya. Tiada ruang untuk gangguan, rasisme atau diskriminasi dalam tempat kerja kita. Anda perlu sentiasa melayan rakan sekerja anda dengan bermaruah dan rasa hormat, tanpa mengira latar belakang atau kedudukan mereka.

Pengurus dan penyelia berperanan penting dalam menggalakkan persekitaran tempat kerja yang memupuk kepelbagaian, kesamarataan dan rangkuman.

Mengesan Diskriminasi

Diskriminasi adalah apa-apa tingkah laku di tempat kerja, sama ada bertulis, dikatakan atau dilakukan yang mencemarkan atau menunjukkan permusuhan atau keengganan terhadap sesiapa sahaja kerana bangsa, warna kulit, etnik, jantina, identiti jantina dan/atau ekspresi mereka, seks, orientasi seksual, usia, kecacatan, asal negara, kewarganegaraan, keturunan, tempat lahir atau keturunan, agama, status veteran atau ketenteraan atau kelas atau ciri lain yang dilindungi oleh undang-undang yang terpakai.

Jika Anda Seorang Pengurus atau Penyelia

- Memimpin dengan contoh dan menggalakkan persekitaran yang sihat dan berpasukan.
- Sentiasa boleh didekati dan tersedia jika pekerja perlu membincangkan isu diskriminasi atau perkauman.
- Laporkan semua salah laku termasuk, tanpa had, salah laku perkauman menerusi mana-mana pilihan pelaporan termasuk [Talian Bantuan Etika CBRE](#).
- Jangan serang balas pekerja yang melaporkan kebimbangan.

Kepelbagaian, Kesamarataan & Rangkuman

Di CBRE, kepelbagaian, kesamarataan dan rangkuman adalah keutamaan strategik kerana kita terus mewujudkan budaya rangkuman agar semua orang berasa selamat, dihargai dan didengar. Komitmen kita dijalin di seluruh DNA syarikat dan tertanam dalam nilai RISE kita. Untuk membantu mengukuhkan kelebihan daya saing kita, kita telah menggabungkan prinsip-prinsip ini ke dalam proses dan perniagaan bakat kita untuk menawarkan pelbagai perspektif dan penyelesaian inovatif.

CBRE memberikan peluang pekerjaan yang sama kepada semua pekerja, termasuk perekrutan, pengambilan pekerja, pampasan, penugasan pekerjaan, kenaikan pangkat, disiplin dan pemberhentian kerja. Semasa membuat keputusan pekerjaan, anda hendaklah mendasarkannya pada merit. CBRE tidak bertolak ansur terhadap diskriminasi berdasarkan bangsa, warna kulit, etnik, jantina, identiti jantina dan/atau ekspresi, jantina, orientasi seksual, umur, kecacatan, asal negara, kewarganegaraan, keturunan, tempat kelahiran atau keturunan, agama, status veteran atau ketenteraan atau kelas atau ciri lain yang dilindungi oleh undang-undang yang terpakai.

Di sesetengah negara, kita mempunyai kewajiban perundangan untuk mengambil tindakan afirmatif untuk mempromosikan pengambilan dan kemajuan pekerjaan dalam kalangan warga kerja dalam klasifikasi terlindung tertentu. Kami percaya ini adalah perkara yang betul untuk dibuat dan bagus untuk perniagaan.



S: Seorang pelanggan meminta saya menukar salah seorang ahli pasukan atas alasan agama. Apakah yang perlu saya buat?



J: Permintaan pelanggan anda adalah tidak wajar. Berbincang dengan pengurus anda dan bersama-sama menangani permintaan pelanggan anda secara wajar. Atau anda boleh melaporkan kebimbangan ini kepada pasukan Warga Kerja, Perundangan atau Etika & Pematuhan atau [Talian Bantuan Etika CBRE](#).

Mengelakkan Gangguan dan Pembulian

CBRE mempunyai dasar terhadap gangguan di mana-mana sahaja kita beroperasi. Mengetahui apa yang menyebabkan gangguan boleh membantu anda menghalangnya dengan tampil bersuara apabila melihatnya.

Sesiapa yang terlibat dalam tingkah laku yang melanggar dasar antigangguan kita akan bertanggungjawab.

Ada kalanya gangguan di tempat kerja dilakukan oleh seseorang dari luar syarikat, misalnya perunding, pembekal atau pelanggan. Jika anda melihat gangguan dan anda tidak melaporkannya atau menanganinya, ia seolah-olah anda membenarkan tingkah laku tersebut atau terlibat dalam tingkah laku itu sendiri. Anda boleh dipertanggungjawabkan.

Gangguan boleh berlaku dalam banyak bentuk dan boleh ditujukan kepada individu atau kumpulan warga kerja. Ia boleh jadi kejadian satu kali yang serius atau berulang lama kelamaan. Tidak kira apa bentuknya, gangguan adalah menyakitkan, tidak sesuai dan merendahkan serta mewujudkan persekitaran kerja yang berbahaya yang boleh mengganggu keupayaan rakan sekerja serta keseronokan kerja mereka. Jika anda terlibat dengan tingkah laku yang melanggar dasar tempat kerja bebas gangguan atau undang-undang kita, anda akan dipertanggungjawabkan.

Contoh Gangguan di Tempat Kerja

- Kata-kata berbau bermusuhan, serangan atau ancaman fizikal
- Pencerobohan kehidupan peribadi
- Tingkah laku mengganggu untuk mengelakkan seseorang daripada membuat aduan
- Isyarat dan perlakuan seksual secara terang-terangan
- Ulasan, jenaka atau soalan berbau seksual
- Penghinaan kaum atau etnik atau stereotaip negatif
- Manfaat kerja/kenaikan pangkat yang ditawarkan sebagai pertukaran untuk khidmat seksual (quid pro bono)
- Mengasingkan atau menidahkan kehadiran seseorang
- Menyebar pembbohongan atau gosip mengenai pekerja pada media sosial

Jika Anda Seorang Pengurus atau Penyelia

- Memahami, berkomunikasi dan melaksanakan dasar kita berkenaan gangguan dan tidak menyerang balas.
- Bertindak segera jika anda menyaksikan tingkah laku tidak sesuai atau jika pekerja membuat aduan tentang gangguan.
- Laporkan pelanggaran Piawai Tatakelakuan Perniagaan, dasar syarikat atau undang-undang CBRE. Dengan tidak bertindak, anda membenarkan tingkah laku tersebut.



S: *Saya ahli terbaharu dalam pasukan dan satu-satunya wanita. Rakan sekerja saya bertanyakan soalan dan memberi komen yang tidak profesional dan tidak sesuai. Saya mahu diterima, jadi saya turut serta dalam perbualan itu dan saling menghina pekerja lelaki dalam kumpulan. Jenaka dan ketidaksesuaian semakin menjadi-jadi. Saya mahu ia dihentikan, jadi saya melaporkan hal ini kepada pengurus. Kata beliau saya seorang wanita yang terlalu sensitif dan tidak akan berbuat apa-apa untuk membantu saya. Apakah yang perlu saya buat?*

J: Rakan sekerja anda terlibat dalam tingkah laku yang tidak sesuai yang boleh menyebabkan persekitaran kerja yang mengancam. Penting untuk rakan sekerja anda dinasihati dan mungkin dikenakan tindakan disiplin untuk tingkah laku mereka. Pengurus anda juga boleh dipertanggungjawabkan kerana membenarkan tingkah laku mereka dan gagal bertindak apabila beliau sedar akan situasi tersebut. Anda perlu melaporkan tingkah laku ini menerusi [mana-mana pilihan laporan termasuk **Talian Bantuan Etika CBRE.**](#)

Menangani Gangguan Seksual

Persekitaran kerja mengancam secara seksual adalah satu lagi bentuk gangguan. Jika dibiarkan, ia boleh merosakkan kepercayaan, produktiviti dan memusnahkan budaya kita.

Salah laku seksual boleh jadi dalam bentuk lisan, bukan lisan atau fizikal, termasuk komunikasi bertulis dan elektronik antara orang yang sama atau berlainan jantina. Salah laku seksual tidak hanya terhad kepada hubungan antara penyelia dan orang bawahan. Ia boleh berlaku kepada sesiapa sahaja.

CBRE mempunyai pendirian yang teguh berkenaan salah laku seksual. Ia perlu diakui dalam semua bentuk dan tidak boleh diterima. Jika salah laku seksual berlaku dalam pasukan atau di pejabat anda, termasuk di lokasi pelanggan, anda perlu melaporkannya.

Mengesan Salah Laku Seksual

<p>Tingkah laku Seksual yang Tidak Wajar dan Pembulian berdasarkan Jantina</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Komen yang tidak baik atau tidak profesional yang berkaitan dengan seks/ jantina • Gurauan, komen atau jenaka berbaur seksis • Soalan intim berkaitan seks • Gambar, video atau bahan bertulis berunsur seks • Topik dan perbualan berunsur seksual
<p>Perbuatan dan Serangan Seksual yang Tidak Sesuai</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menyentuh, meraba, mencero boh ruang peribadi, bersandar • E-mel, panggilan, nota, pesanan ringkas, pesanan media sosial yang berbaur seks • Gaya atau isyarat yang berbaur seksual • Hubungan seksual secara paksa atau tidak diundang
<p>Memaksa Aktiviti Seksual dengan Rasuah atau Mengancam Hukuman</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menawarkan atau mengancam untuk membatalkan layanan istimewa atau peluang profesional, bergantung kepada apakah khidmat seksual yang diberikan • Memaksa untuk khidmat atau janji temu seksual, mengendap (termasuk pencerobohan fizikal atau digital ke dalam kehidupan peribadi seseorang)

Jika Anda Seorang Pengurus atau Penyelia

- Beri maklum balas segera apabila pekerja melaporkan salah laku seksual.
- Laporkan kejadian kepada pasukan Etika & Pematuhan.
- Tunjukkan sokongan kepada pekerja yang tampil ke depan dan hargai mereka kerana menyuarakan kebimbangan.
- Jangan sesekali bertindak dalam cara yang boleh dianggap sebagai hukuman atau menyerang balas terhadap pekerja yang melaporkan salah laku seksual.

S: *Pengurus menyuruh saya keluar minum dengan seorang pelanggan selepas satu mesyuarat yang berjaya dan selepas itu meminta saya menemani mereka ke “kelab lelaki budiman.” Saya tidak mahu pergi tapi saya terpaksa. Adakah kita melanggar nilai RISE dengan hadir ke tempat begini?*

J: Ya. Menghadiri jenis tempat seperti ini melanggar dasar CBRE. Selain itu, jenis tingkah laku ini berpotensi menyalahi undang-undang apabila dikaitkan dengan acara kerja kerana boleh menyebabkan tuntutan persekitaran kerja yang bermusuhan dan gangguan seksual.

Memastikan Tempat Kerja Bebas Keganasan

CBRE secara tegas komited untuk menyediakan tempat kerja yang bebas daripada ancaman atau tindakan keganasan. Tindakan pencerobohan yang berlebihan, kemarahan yang membara atau kemarahan yang tidak terkawal adalah tingkah laku yang tidak wajar dan tidak boleh berlaku di tempat kerja.

Anda boleh melaporkan kepada ahli Kepimpinan Senior atau pasukan Warga Kerja, Etika & Pematuhan atau Perundangan, [Ketua Pegawai Pematuhan](#) atau [Talian Bantuan Etika CBRE](#). Anda boleh melakukannya tanpa takut akan serangan balas. Segala tuduhan keganasan di tempat kerja akan disiasat dan tindakan pembedahan dan/atau tatatertib akan diambil dengan sewajarnya.

Apakah Yang Perlu Anda Tahu?

- Jangan sesekali mengugut seseorang atau melakukan tindakan keganasan di tempat kerja.
- Jangan bawa atau menggunakan senjata api, senjata atau peranti berbahaya lain ke dalam kawasan syarikat atau semasa menjalankan perniagaan syarikat.
- Segera laporkan sebarang situasi pelanggaran atau keganasan yang boleh membawa kepada kebimbangan kepada keselamatan pekerja CBRE, pada bila-bila masa dan di mana ia berlaku.



S: Joe, rakan sekerja saya sedang mengalami tekanan. Beliau mengadu bahawa isterinya akan meninggalkannya kerana orang lain dan beliau sering berbau seperti alkohol. Sudah dua kali beliau bergegas kepada saya tentang koleksi pistol dan senapangnya. Semalam dia meluahkan rasa kepada saya bahawa bos kami memberinya tinjauan prestasi "mencapai sebahagian" dan Joe berkata, "Dia akan terima akibatnya." Adakah saya perlu melaporkannya?

J: Ya. Jika anda mengetahui bahawa rakan sekerja mungkin menimbulkan ancaman terhadap seseorang di tempat kerja, anda wajib memberitahu pengurus anda agar mereka dapat memberi amaran keselamatan. Anda juga boleh mengajukan kejadian tersebut dengan menghubungi [Talian Bantuan Etika CBRE](#) atau [Talian Kecemasan Pekerja CBRE](#).

Alkohol dan Dadah Boleh Membawa kepada Keputusan yang Teruk

Alkohol dan ubat-ubatan boleh mempengaruhi kesesatlakuan anda, yang menyebabkan salah laku dan situasi negatif yang melibatkan pekerja dan orang lain. Semasa di tempat kerja, anda perlu bebas daripada pengaruh alkohol, dadah terlarang atau bahan lain yang boleh menjejaskan kemampuan anda untuk menjalankan tugas dengan berkesan dan bertindak dengan rasa hormat. Ini terpakai kepada semua pekerja di semua lokasi kerja atau bila-bila masa anda melakukan tugas atau tindakan atas nama CBRE, misalnya perjalanan perniagaan.

Kita menyedari bahawa mungkin menjadi kebiasaan untuk menyajikan minuman beralkohol semasa majlis syarikat. Jika anda memilih untuk menyajikan atau mengambil minuman seperti itu, anda masih perlu mematuhi dasar CBRE yang berkaitan dengan penggunaan alkohol di tempat kerja, termasuk mana-mana dasar khusus pejabat.



Ketahui Peraturan

Tidak ada pekerja yang boleh menggunakan, memiliki, memindahkan, mengedar, mengeluarkan atau menjual alkohol atau ubat terlarang atau bahan terkawal semasa berada di dalam kawasan syarikat, semasa bertugas, semasa berada dalam status panggilan atau semasa dalam atau mengendalikan kenderaan atau peralatan berpotensi berbahaya yang dimiliki atau dipajak oleh syarikat. Penggunaan alkohol secara sederhana semasa majlis sosial atau perniagaan yang ditaja oleh syarikat, di mana alkohol disajikan, sambil menghiburkan pelanggan atau bakal pelanggan syarikat atau pada waktu yang tidak sesuai di lokasi pejabat di mana alkohol tersedia di lokasi, boleh dibenarkan dengan syarat bahawa:

- Tingkah laku profesional dikekalkan;
- Penggunaan alkohol tidak menjejaskan pertimbangan pekerja atau prestasi profesional;
- Tingkah laku pekerja tidak menunjukkan kesan buruk terhadap syarikat; dan
- Tingkah laku pekerja tidak melanggar dasar syarikat, termasuk tetapi tidak terhad kepada dasar syarikat yang melarang gangguan dan diskriminasi.

S: Rakan saya mengeluarkan kata-kata penghinaan dan berbau seperti alkohol, apa perlu saya lakukan?



J: Jangan berdepan dengan rakan sekerja secara berseorangan. Sebaliknya, maklumkan pengurus atau penyelia anda dan laporkan fakta, misalnya berapa kerap anda terhidu bau alkohol daripada individu tersebut, jika anda pernah melihat mereka mengambil minuman alkohol dan sebagainya. Jika anda tidak selesa untuk melaporkan kepada pengurus anda, anda perlu melaporkan kebimbangan anda dengan:

- Menghubungi ahli Kepimpinan Kanan atau pasukan Warga Kerja, Etika & Pematuhan atau Perundangan
- Menghantar e-mel kepada [Ketua Pegawai Pematuhan](#)
- Memfailkan laporan atas talian atau melalui telefon (secara tanpa nama jika dibenarkan oleh undang-undang setempat) menggunakan [Talian Bantuan Etika CBRE](#).

Menghormati Hak Asasi Manusia

Kita menjalankan perniagaan secara beretika, mencari sumber dengan bertanggungjawab dan berusaha untuk melindungi hak asasi manusia dan mempromosikannya pada skala global, baik di organisasi kita dan di seluruh rantaian bekalan kita.

CBRE komited terhadap [Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat PBB](#). Kita mengharapkan rakan niaga dan vendor kita berkongsi nilai-nilai ini dan akan menolak perniagaan mereka jika mereka tidak mematuhi Tatakelakuan Pembekal kita. Kita memandang serius setiap tuduhan penyalahgunaan hak asasi manusia, dalam semua bentuknya dan tidak akan bertoleransi terhadap salah guna tersebut dalam perniagaan atau rantaian bekalan kita.



Apakah yang Perlu Anda Lakukan?

- Sahkan kontrak melarang penggunaan pekerja kanak-kanak dengan vendor, pembekal atau pengaturan pihak ketiga yang lain.
- Ketahui tentang *perhambaan moden* dan *pemerdagangan manusia* dan ambil langkah untuk mencegahnya di seluruh perniagaan.
- Mengekalkan tempat kerja rangkuman yang bebas gangguan dan diskriminasi berdasarkan bangsa, warna kulit, etnik, jantina, identiti jantina dan/ atau ekspresi, jantina, orientasi seksual, umur, kecacatan, asal negara, kewarganegaraan, keturunan, tempat kelahiran atau keturunan, agama, status veteran atau ketenteraan atau kelas atau ciri lain yang dilindungi oleh undang-undang yang terpakai.
- Menyediakan tempat kerja yang selamat dan sihat untuk semua pekerja kita dan mencegah kemalangan kepada pekerja, pelanggan dan pelawat.
- Mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan gaji yang dibayar oleh CBRE kepada pekerja dan jam mereka bekerja.
- Membela dan menghormati hak pekerja berkenaan dengan kebebasan berserikat dan perundingan bersama.

Anda boleh mengakses dasar CBRE dan maklumat penting lain yang dirujuk dalam bahagian ini pada Intranet Pekerja CBRE.



CARIAN KATA KUNCI:

**Standard Tatakelakuan
Perniagaan**

S: *Saya mendengar bahawa pembekal CBRE membuat program pengalaman kerja yang membolehkan kanak-kanak di bawah umur 16 tahun bekerja tanpa had seminggu, tanpa gaji. Adakah saya perlu bimbang?*



J: Ya. Program yang anda gambarkan melanggar undang-undang pekerja kanak-kanak dan juga menimbulkan kecurigaan terhadap pemerdagangan manusia dan perhambaan moden. Anda perlu melaporkan kebimbangan ini kepada pasukan Warga Kerja, Perundangan atau Etika & Pematuhan atau [Talian Bantuan Etika CBRE](#).

Integriti (Integrity)

Tiada individu,
tiada perjanjian,
tiada pelanggan,
lebih besar
daripada komitmen
kita kepada syarikat
kita dan apa yang
kita perjuangkan.

Kejayaan syarikat kita sebahagian besarnya disebabkan oleh kepercayaan yang kita peroleh untuk integriti dan kesepakatan yang adil. Kepercayaan pelanggan, pihak berkepentingan dan pekerja kita adalah aset paling berharga CBRE. Anda tidak boleh mengambil kesempatan secara tidak adil terhadap sesiapa sahaja dengan manipulasi, salah gambaran atau penyalahgunaan maklumat. Nilai Integriti RISE kita mengharuskan anda untuk selalu "mengambil jalan terbaik" dan berurusan dengan adil dan jujur dengan pelanggan, pekerja, rakan niaga dan juga pesaing kita.

Mengekalkan Kerahsiaan

Integriti termasuk mengekalkan kerahsiaan maklumat yang dianggap peribadi atau proprietari dan diamanahkan kepada kita oleh syarikat, pelanggan, vendor atau pihak ketiga yang lain. Menjaga kerahsiaan adalah kewajipan setiap pekerja dan bahagian penting dalam tugas mereka.

Kewajipan kerahsiaan mungkin timbul melalui kontrak bertulis, seperti perjanjian tanpa pendedahan, dokumen penglibatan atau pernyataan kerja atau komunikasi lisan dengan pelanggan atau pihak ketiga. Sekatan ini menghalang anda daripada menggunakan maklumat yang dilindungi untuk sebarang tujuan selain daripada melengkapkan skop kerja di bawah kontrak atau penglibatan.

Jika anda seorang pekerja baharu, jangan dedahkan kepada kita atau gunakan dalam kerja anda sebarang maklumat proprietari daripada majikan anda yang

terdahulu. Begitu juga, apabila meninggalkan CBRE, kita mengharapkan anda mengekalkan kerahsiaan maklumat proprietari syarikat, pelanggan dan pihak ketiga kita.

Walau apa pun di atas, kewajipan ini tidak mengehadkan keupayaan anda untuk memfailkan pertuduhan atau aduan dengan Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa (SEC) atau mana-mana agensi kerajaan lain atau sebaliknya menyertai atau bekerjasama sepenuhnya dengan mana-mana penyiasatan atau prosiding yang mungkin dijalankan oleh SEC atau mana-mana agensi kerajaan lain, termasuk menyediakan dokumen atau maklumat lain, tanpa notis atau kelulusan daripada CBRE. Jika anda mempunyai sebarang soalan berkenaan perkara ini, semak dengan wakil Perundangan atau pasukan Etika & Pematuhan.



Memahami Konflik Kepentingan

Konflik kepentingan berlaku apabila kepentingan peribadi anda—keluarga, persahabatan, faktor kewangan atau sosial—dapat menjejaskan keputusan perniagaan anda dan menimbulkan persoalan sama ada penilaian dan tindakan anda tidak berat sebelah. Malah sekecil-kecil tanggapan mengenai ketidakadilan berpotensi merosakkan hubungan perniagaan—menghakis kepercayaan, menimbulkan kecurigaan dan mencemarkan reputasi CBRE untuk berurusan dengan adil. Kita tidak boleh menggunakan harta atau maklumat yang dimiliki oleh CBRE atau jawatan kita di CBRE untuk tujuan manfaat peribadi. Kita perlu bertindak demi kepentingan CBRE dan pelanggan kita, bukannya diri sendiri.

Konflik kepentingan tidak selalu dapat dielakkan dan ia tidak semestinya menjadi masalah jika konflik didedahkan. Anda perlu segera memberitahu pengurus atau penyelia anda mengenai semua konflik yang mungkin dilihat boleh mempengaruhi pertimbangan anda dan kemampuan anda untuk melaksanakan peranan anda di CBRE atau mungkin menimbulkan kesalahan.

Konflik Kepentingan yang Biasa Di Tempat Kerja

Menyebelahi Saudara dan Rakan Rapat

- Mempengaruhi keputusan untuk membeli barang atau perkhidmatan dari syarikat di mana ahli keluarga atau rakan mempunyai kepentingan kewangan
- Kegagalan untuk mendedahkan perkaitan anda dengan calon pekerja yang dipertimbangkan oleh CBRE untuk diambil bekerja
- Menempatkan ahli keluarga dalam hubungan laporan langsung atau pihak berkuasa membuat keputusan antara satu sama lain
- Terlibat dalam hubungan romantis dengan seseorang yang anda selia secara langsung atau mengenai orang yang mana anda mempunyai kemampuan untuk mempengaruhi keputusan gaji, prestasi atau pekerjaan lain

Mendapati CBRE di Sebelah yang Berbeza dalam Transaksi yang Sama atau Berkaitan

- Mewakili semua pihak dalam satu transaksi
- Mempunyai kepentingan pemilikan harta yang dipertimbangkan oleh pelanggan untuk dibeli

Mempunyai Kepentingan Peribadi Di Luar Kerja

- Bekerja separuh masa untuk pelanggan, pembekal, vendor atau pesaing CBRE atau bersaing dengan CBRE dalam apa jua cara
- Mengambil peluang untuk diri sendiri, ahli keluarga atau rakan peluang perniagaan yang mungkin dicari oleh CBRE, tanpa terlebih dahulu menawarkan peluang itu kepada CBRE

S: Saya diminta untuk mengaudit seorang pembekal CBRE di mana saudara rapat saya bekerja sebagai pengurus. Adakah ini konflik kepentingan?



J: Ya dan anda perlu memaklumkan kepada pengurus tentang hubungan ini. Anda dan pengurus akan bekerja bersama-sama untuk menentukan tindakan yang perlu diambil. Jika anda mempunyai soalan lanjut, anda boleh menyuarakannya menerusi mana-mana pilihan laporan termasuk [Talian Bantuan Etika CBRE](#).



Hadiah, Hiburan dan Bayaran Tidak Wajar

Dalam banyak bidang perniagaan CBRE, amalan bertukar-tukar hadiah atau keramahan adalah sesuatu yang biasa dan diharapkan untuk membina dan mengekalkan hubungan. Ia menggalakkan nama baik dalam kalangan vendor, pelanggan dan rakan kongsi perniagaan. Namun, hadiah dan hiburan yang berlebihan atau diberikan kepada pihak yang salah,⁴ boleh menyebabkan konflik kepentingan sebenar atau yang dianggap atau lebih teruk boleh dituduh sebagai *rasuah* atau *sogokan*. Ini berlaku terutamanya untuk hadiah dalam bentuk wang tunai atau setara tunai, seperti kad hadiah, cek atau sijil hadiah, yang dilarang sama sekali.

Memberi atau menerima hadiah atau bantuan atau apa jua bentuk hiburan atau keramahan tidak sesekali boleh diterima jika ia:

- Mewujudkan pematuhan
- Meletakkan pemberi atau penerima dalam situasi di mana kedua-duanya kelihatan berat sebelah
- Dilakukan dengan niat untuk mempengaruhi keputusan perniagaan, rundingan atau transaksi

Tanya Soalan-soalan Ini Kepada Diri Sendiri

- Adakah hadiah ini dilarang oleh undang-undang?
- Bolehkah ia dianggap sebagai rasuah?
- Adakah ia sejajar dengan dasar hadiah kita (atau mereka)?
- Bolehkah ia mempengaruhi keputusan perniagaan?
- Bagaimanakah ia akan dianggap jika didedahkan secara umum?

Jika ada soalan yang menimbulkan keraguan, anda harus bercakap dengan pengurus atau penyelia anda atau hubungi [Talian Bantuan Etika CBRE](#) untuk panduan.

Setiap rantau, negara, perniagaan dan beberapa klien mungkin telah menerapkan dasar yang mengatur perbelanjaan untuk perjalanan, makanan, hadiah dan hiburan. Anda perlu mematuhi kerana ia mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang terpakai berkaitan operasi tersebut.

Hadiah untuk Pegawai Kerajaan

Dasar kita turut mengakui bahawa peraturan dan dasar yang lebih ketat dan lebih spesifik terpakai ketika berniaga dengan mana-mana entiti, agensi atau ejen kerajaan. Sebagai sebuah syarikat yang berpangkalan di A.S., kita tertakluk kepada *Akta Amalan Rasuah Asing*. Mungkin ada undang-undang tambahan di negara lain di mana kita menjalankan perniagaan yang melarang memberikan apa-apa yang bernilai, walaupun kecil, kepada pegawai kerajaan.

S: Sebagai sebahagian daripada permintaan untuk cadangan, saya bertanggungjawab untuk memilih pembekal CBRE. Pengurus hubungan yang bekerja untuk salah satu pembekal menawarkan saya perjalanan hujung minggu secara percuma untuk dua orang ke London. Bolehkah saya menerima tawaran itu?



J: Tidak. Perjalanan tersebut melanggar dasar Hadiah dan Hiburan CBRE dan memberi risiko kepada reputasi syarikat. Anda harus mengatakan "tidak" dengan jelas tetapi sopan ketika ditawarkan hadiah yang berlebihan dan menjawab secara bertulis dengan "tidak" jika ditawarkan melalui e-mel atau mel suara.

⁴ Lebih banyak maklumat boleh didapati di bawah Pengambilan Keputusan Berkaitan Rasuah yang terdapat di bahagian mengenai nilai RISE Perkhidmatan kita.

Pelaburan Peribadi yang Bersaing dengan Perniagaan Kita

Oleh kerana pemilikan peribadi anda dalam beberapa jenis hartanah komersial atau syarikat teknologi hartanah boleh memberi kesan undang-undang dan reputasi kepada CBRE, kita telah menetapkan dasar mengenai pemilikan aset-aset ini. Dasar ini biasanya membolehkan anda menikmati manfaat memiliki hartanah atau melabur dalam syarikat teknologi hartanah selagi anda menyatakan minat anda dengan betul kepada CBRE. Dasar kita juga mengandungi peruntukan yang menentukan bagaimana konflik kepentingan ini akan diuruskan.

Anda dijangka terlibat terutamanya dalam perniagaan syarikat dan apabila diberi kelulusan untuk terlibat dalam pelaburan hartanah atau teknologi hartanah, anda tidak boleh menggunakan harta benda, sistem atau kakitangan CBRE untuk memenuhi kepentingan anda. Selanjutnya, anda mesti dengan jelas dan berkesan melepaskan aktiviti pelaburan atau pengembangan peribadi anda daripada mana-mana penglibatan dengan atau penajaan oleh CBRE.

Apakah Yang Perlu Anda Tahu?

Hartanah Komersial

- Jangan peroleh kepentingan dalam harta tanah komersial yang disenaraikan oleh CBRE kecuali dan sehingga ia mempunyai pendedahan yang munasabah ke pasaran.
- Jangan beroperasi dengan maklumat awal atau hak milik yang tidak tersedia untuk pelanggan kita.
- Jangan mengemukakan tawaran peribadi dalam persaingan dengan tawaran daripada mana-mana pelanggan CBRE.
- Sentiasa dapatkan persetujuan bertulis dari CBRE sebelum berunding, mengemukakan dan/atau melaksanakan tawaran untuk membeli atau menyewa harta komersial yang disenaraikan oleh CBRE.

- CBRE boleh, mengikut budi bicara kami, melarang anda memperoleh kepentingan harta tanah.

Syarikat Teknologi Hartanah

- Jangan sekali-kali bertindak sebagai pegawai, pengarah, rakan kongsi, perunding, wakil, ejen, penasihat atau pekerja syarikat teknologi harta tanah tanpa kebenaran bertulis daripada CBRE terlebih dahulu.
- Jangan sekali-kali memberikan sokongan umum syarikat teknologi harta tanah, tanpa kebenaran bertulis daripada CBRE terlebih dahulu.

S: Ibu bapa mertua saya ingin menggunakan CBRE untuk menjual hartanah komersial mereka. Apakah yang perlu saya buat?



J: Jika anda terlibat dalam pelupusan harta atas nama CBRE, anda hendaklah mendedahkan secara bertulis kepentingan pemilikan hartanah komersial kepada CBRE. Jika diluluskan, anda mesti mendedahkan perkara yang sama kepada semua calon pembeli secara bertulis dan mendapatkan persetujuan bertulis mereka sebelum meneruskan. Anda tidak boleh menggunakan maklumat hak milik yang tidak tersedia untuk ibu bapa mertua anda. Jika anda mempunyai soalan selanjutnya, anda boleh mengemukakannya melalui mana-mana opsyen pelaporan termasuk [Talian Bantuan Etika CBRE](#).



Keselamatan Maklumat dan Perlindungan Aset

Integriti bermaksud mengikuti keyakinan moral anda dan melakukan perkara yang betul dalam semua keadaan — walaupun anda berfikir tidak ada yang memerhatikan anda.⁵ Itu termasuk ketika anda menggunakan aset syarikat —kedua-dua *aset ketara* dan *aset tidak ketara*—dan *rangkaian komputer* dan sumber *teknologi maklumat* yang lain. Anda mempunyai kewajipan untuk melindungi aset dan sumber ini daripada pencurian, kerosakan dan penyalahgunaan. Harta CBRE harus dilindungi, digunakan dengan cekap dan hanya digunakan untuk tujuan perniagaan yang sah dan bukan untuk kepentingan peribadi.

S: *Saya perlu menepati tarikh akhir dan kena hantar beberapa data peribadi ke akaun e-mel rumah saya, jadi saya dapat menyelesaikan projek saya setelah saya memastikan anak-anak saya masuk tidur. Adakah itu dibenarkan?*



J: Tidak. Jika anda bertanggungjawab atau mempunyai akses ke data peribadi, anda tidak boleh memindahkan maklumat tersebut di luar syarikat CBRE ke sistem peribadi anda.

S: *Dari semasa ke semasa, saya membawa peranti mudah alih ke kafe kejiranan saya untuk menyemak e-mel saya dan membuat kerja. Bolehkah saya menggunakan Wi-Fi percuma?*



J: Banyak komputer riba yang dikeluarkan CBRE telah dikonfigurasi dengan "VPN Perlindungan Global Sentiasa Aktif (Always-On Global Protect VPN)". Jika anda menggunakan salah satu daripada ini, ia selamat untuk log masuk ke wi-fi percuma. Bagaimanapun, jika anda menggunakan peranti peribadi atau mempunyai komputer riba CBRE yang tidak memiliki VPN ini, jangan pasang wi-fi percuma. Wi-Fi percuma dapat menimbulkan kerentanan pada komputer anda yang membahayakan maklumat CBRE. Sesiapa sahaja yang duduk di kafe dapat melihat apa yang anda lakukan jika mereka inginkan.

S: *Saya mempunyai satu-satunya lesen untuk pangkalan data kewangan di jabatan. Rakan sekerja saya selalu meminta untuk meminjam log masuk saya, sehingga mereka dapat menyelesaikan pekerjaan mereka lebih cepat daripada yang mereka dapat jika mereka menggunakan protokol penggunaan yang sesuai. Mereka tidak akan meminta pengurus mereka untuk log masuk lain, walaupun nampaknya perlu. Saya telah menolak untuk memberikan log masuk saya tetapi berasa tertekan untuk membiarkan orang lain meminjamnya — hanya beberapa kali.*



J: Anda melakukan perkara yang betul dengan mengatakan "Tidak." Berkongsi log masuk atau kata laluan adalah salah kerana ia membuat catatan palsu mengenai siapa yang mungkin melakukan kerja dengan tidak betul atau lebih teruk lagi dengan penipuan, dalam pangkalan data. Melindungi log masuk anda juga melindungi anda daripada disyaki melakukan kesalahan jika seseorang bertindak buruk semasa menggunakan log masuk anda. Akhirnya, syarikat perlu mengetahui apakah benar-benar perlu melabur dalam log masuk berasingan untuk meningkatkan kecekapan secara selamat.

Apakah Yang Perlu Anda Tahu?

Aset Syarikat

- Jangan gunakan nama, logo, maklumat, peralatan, harta benda, masa atau sumber CBRE untuk terlibat dalam aktiviti luar yang tidak disetujui oleh syarikat.
- Jangan gunakan atau dedahkan (semasa atau selepas anda bekerja dengan CBRE), tanpa kebenaran, maklumat peribadi atau sulit yang diperoleh daripada mana-mana sumber semasa menjalankan perniagaan CBRE.⁶
- Jangan akses data tanpa kebenaran. Akses kepada maklumat sulit hanya harus diberikan kepada pekerja yang memerlukan untuk menjalankan pekerjaan mereka.
